

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B.DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN  
(PARIT)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B.DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN [ PARIT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan inisiatif Kerajaan untuk memastikan prosedur (SOP) Projek MRT dipatuhi, pengawasan dipertingkatkan serta pemantauan dilaksanakan agar tiada lagi kemalangan berlaku di tapak-tapak projek terutama sekali kemalangan yang melibatkan nyawa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengambil perhatian yang serius terhadap kawalan keselamatan di sekitar tapak

pembinaan Projek MRT bagi mengelakkan kejadian kemalangan mengambil kira skop pembinaan Projek MRT yang sangat rumit dan kompleks di mana ia perlu diuruskan dengan lebih cermat dan berhati-hati. Untuk itu, Kerajaan melalui Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp.), syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan telah mewujudkan *Standard Operating Prosedur (SOP)* dan *Pelan Pengurusan Keselamatan (Safety Management Plan)* yang ketat terutamanya yang melibatkan risiko kemalangan nyawa di tapak pembinaan.

Bagi memperketatkan lagi kawalan keselamatan di tapak pembinaan supaya berada dalam keadaan yang lebih selamat, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) yang berperanan sebagai agensi kawal selia (*regulator*) telah membuat pemeriksaan/pengawasan terperinci di tapak pembinaan dengan lebih kerap bagi memastikan setiap kerja-kerja yang dijalankan mengikut SOP yang ditetapkan sebagai contoh; kontraktor perlu mendapatkan kelulusan daripada konsultan pengawasan (*supervising consultant*) sebelum memulakan kerja-kerja pembinaan.